



PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 23 April 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 15/2026

Dekan/Pengarah

Fakulti/Institut/Pusat

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Dato'/Tuan/Puan,

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA HIBRID/DALAM TALIAN SUSULAN PELAKSANAAN DASAR BEKERJA DARI RUMAH (BDR) BAGI MENDEPANI KRISIS TENAGA GLOBAL

Dengan hormatnya, merujuk perkara di atas berserta surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 2 April 2026 mengenai Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Bagi Perkhidmatan Awam Berikutan Konflik Asia Barat, dan berlandaskan kenyataan media Menteri Pendidikan Tinggi pada 7 April 2026 berhubung kebenaran menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), serta kebenaran pelaksanaan PdP dalam talian susulan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi mendepani krisis tenaga global.

2. Inisiatif ini diambil bertujuan memberi kemudahan kepada warga IPTA, terutamanya pensyarah dan mahasiswa, dalam mengimbangi keperluan akademik dengan cabaran semasa tanpa menjejaskan kualiti pembelajaran adalah dirujuk.

3. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju untuk **membenarkan pelaksanaan Sesi PdP dijalankan secara hibrid/atas talian, tertakluk kepada kesesuaian program pengajian pelajar dan pertimbangan pihak Fakulti/Institut/Pusat**. Langkah ini diambil bagi mengimbangi keperluan akademik warga Universiti dengan cabaran semasa krisis tenaga global, di samping memastikan kualiti penyampaian Pendidikan kekal terjamin tanpa sebarang kompromi.

4. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelancaran proses PdP, **semua pelajar dikehendaki untuk kekal berada di dalam kampus**. Arahan ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar memanfaatkan kemudahan capaian rangkaian internet yang stabil dan berprestasi tinggi yang disediakan oleh Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM).

5. Selain itu, penetapan ini juga adalah langkah strategik bagi mengekalkan kelangsungan ekosistem semua pihak yang berada di Universiti ini. Ini termasuklah menyokong operasi entiti perniagaan dan perkhidmatan di dalam kampus seperti kafeteria di Kolej Kediaman, Fakulti, Institut, Pusat, dan entiti perniagaan di Pusanika, bagi memastikan khidmat keperluan asas pelajar di kampus tidak terjejas.

PEJABAT NAIB CANSOLOR


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori

6. **Pelaksanaan PdP secara hibrid/dalam talian ini berkuat kuasa mulai 15 April 2026 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.** Sesi pembelajaran yang memerlukan kehadiran fizikal seperti kelas amali, makmal, klinikal, atau studio akan kekal dijalankan secara bersemuka tertakluk kepada penyelarasan Fakulti/Institut/Pusat masing-masing.

Kerjasama dan keprihatinan para pensyarah dan pelajar dalam mendepani situasi ini dengan penuh tanggungjawab amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh diajukan kepada Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) melalui e-mel di pghakad@ukm.edu.my dan tpakad@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan, Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Pegaah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum, UKM
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
 - Pengarah, Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Ketua Pentadbiran, Fakulti/Institut/Pusat, UKM
 - Presiden, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my